

## **RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN**

<b>TINGKATAN</b>	: 3
<b>MASA</b>	: 40 minit
<b>BIDANG</b>	: 6 Nilai Berkaitan dengan Demokrasi
<b>PEMBELAJARAN</b>	
<b>NILAI</b>	: 6.4 Penglibatan Diri dalam pembangunan Negara
<b>KANDUNGAN</b>	: • Program Negara dijayakan bersama
<b>AKADEMIK</b>	
<b>TAJUK</b>	: Negara Gemilang , Tanggungjawab Rakyat
<b>HASIL</b>	: Di akhir pelajaran, murid dapat:
<b>PEMBELAJARAN</b>	<i>1. Kognitif Moral</i> (i) Menerangkan tanggungjawab pelbagai pihak dalam menjayakan kempen-kempen untuk pembangunan negara <i>2. Perasaan Moral</i> (ii) Memahami perasaan dan keperluan diri dan orang lain dalam pembangunan negara <i>3. Perlakuan Moral</i> (iii) Menyertai kempen-kempen pembangunan di peringkat sekolah.
<b>PENDEKATAN</b>	: Pemupukan Nilai Pendekatan Berasaskan Kemahiran
<b>TEKNIK</b>	: Perbincangan, main peranan
<b>SUMBER BANTU</b>	: Poster, lirik lagu Malaysiaku Gemilang
<b>MENGAJAR</b>	

### **Permulaan**

- (i) Meminta murid-murid untuk memberikan beberapa contoh kempen yang pernah mereka sertai/dengar/ tonton yang berkaitan dengan pembangunan negara.
- (ii) Meminta murid-murid mengatakan apakah kempen tersebut memberi kesan kepada pembangunan negara
- (iii) Meminta beberapa murid memperjelaskan pandangan mereka.
- (ii) Memperkenalkan tajuk pelajaran.

### **Aktiviti 1: Kempen Pembangunan Negara, Tanggungjawab Bersama**

- (i) Menjalankan sumbang saran kempen-kempen yang boleh dijalankan untuk kemajuan negara. Catat jawapan murid di papan kapur/putih.
- (ii) Meminta murid memilih kempen pembangunan yang mereka ingin jalankan di peringkat sekolah. Kemudian sumbang saran cara-cara menjalankan kempen yang dipilih. Catat jawapan murid di papan kapur/putih.

- (iii) Bahagikan kelas kepada kumpulan kecil yang *heterogeneous*.
- (iv) Meminta setiap kumpulan menyediakan pelbagai cara berkempen untuk memotivasikan murid melibatkan diri dalam pembangunan sekolah seperti yang berikut:
  - Kumpulan 1: Poster
  - Kumpulan 2: Pengumuman Awam
  - Kumpulan 3: Slogan
  - Kumpulan 4: Lencana
- (v) Meminta setiap kumpulan membentangkan hasil kumpulan.
- (vi) Menyoal murid dengan soalan berkaitan dengan hasil kempen pembangunan yang melakukan .
  - Mengapakah anda berpendapat bahawa kempen tersebut dapat membantu dalam pembangunan negara?
  - Apakah kesannya jika rakyat tidak menyokong kempen yang dijalankan?
  - Patutkah setiap orang melibatkan diri dalam pembangunan negara? Bagaimanapula murid?
- (vii) Menerangkan tanggungjawab pelbagai pihak dalam menjayakan kempen-kempen untuk pembangunan negara

## **Aktiviti 2: Malaysiaku Gemilang, Tanggungjawab Rakyat**

- (i) Menyedarkan lirik lagu Malaysiaku Gemilang kepada murid (Lampiran 1) [http://www.kempen.gov.my/images/files/lagu.patriatik/Malaysiaku\\_Gemilang.mp3](http://www.kempen.gov.my/images/files/lagu.patriatik/Malaysiaku_Gemilang.mp3)
- (ii) Meminta murid sama-sama menyanyi lagu yang dimainkan.
- (iii) Bahagikan kelas kepada kumpulan kecil yang *heterogeneous*.
- (iv) Berikan satu perenggan lirik lagu yang berlainan untuk perbincangan kumpulan.
- (v) Mengarahkan setiap kumpulan menghuraikan perenggan lirik dengan mengaitkan aktiviti kempen yang mereka telah melakukan.
- (vi) Meminta setiap kumpulan membentangkan hasil kumpulan.
- (vii) Menerangkan kebaikan melibatkan diri dalam kempen pembangunan.

## **Penutup/Rumusan**

- (viii) Mengaitkan nilai dengan aktiviti yang dijalankan.
- (ix) Meminta murid sama-sama menyanyikan lagu Malaysiaku Gemilang.

## **Penilaian/Refleksi Diri**

Meminta murid mencari keratan akhbar/ peristiwa berkaitan pembangunan negara bagi perbincangan pada waktu seterusnya.

Lampiran 1

**Lagu 'Malysiaku Gemilang' Sempena Sambutan 50 Tahun Kemerdekaan**

**LIRIK LAGU**

*Marilah kita semua  
Atas nama negarabangsa  
Dengan Tekad mulia  
Maju berwawasan  
Mencipta keagungan*

*Berpadulah kita semua  
Di dalam satu suara  
Dengan degupan Merdeka  
Menjulung budaya bangsa  
Untuk Malaysia tercinta*

*Malysiaku gemilang  
Merdekanya terbilang  
Berdaulat dan makmur  
Berjaya kami syukur*

*Malaysia, kebebasan kedamaian  
Malaysia, kebahagiaan kebanggaan  
Malaysia, cemerlang terbilang  
Malysiaku gagah gemilang*

*Muzik oleh : Nik Nizam Jaafar - Istana Budaya  
Lirik oleh : Rais Yatim & Hairul Anuar Harun*

**Download lagu :**

Malysiaku Gemilang (1) : [.mp3](#) / [.wma](#)

Malysiaku Gemilang (2) : [.mp3](#) / [.wma](#)

Sumber :

[http://www.kempen.gov.my/images/files/lagu.patritik/Malysiaku\\_Gemilang.mp3](http://www.kempen.gov.my/images/files/lagu.patritik/Malysiaku_Gemilang.mp3)